

09 SEP 1999

Rencana UMS

UMS: ANTARA JANJI POLITIK DAN REALITI KECEMERLANGAN AKADEMIK

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU: Pada 31 Jan 1994, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada satu perhimpunan bersama rakyat di Beaufort, kira-kira 100km dari sini, telah mengungkapkan satu janji -- sebuah universiti untuk Sabah.

Apa yang berlaku selepas itu ialah usaha tanpa mengenal penat lelah untuk menjadikan universiti itu satu kenyataan. Pada November tahun yang sama, Dewan Rakyat meluluskan penubuhan universiti berkenaan dengan nama Universiti Malaysia Sabah atau UMS.

Dengan misi untuk mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang, UMS memulakan pengambilan pertama sekumpulan kira-kira 200 pelajar sembilan bulan kemudian.

Hari ini, UMS mencatat sejarahnya apabila sekumpulan 648 pelajar akan menerima ijazah masing-masing pada konvokesyen sulung universiti itu.

Apa yang menjadikan upacara itu lebih istimewa bagi UMS, universiti awam kesembilan negara, ialah kemampuannya untuk menganugerahkan tiga kategori ijazah secara serentak -- sesuatu yang bukan selalu berlaku dalam konvokesyen sulung mana-mana universiti di negara ini.

"Ini satu pencapaian cukup memberangsangkan. Walaupun UMS sebuah universiti baru, ia berjaya menghasilkan tiga komponen ijazah secara serentak," kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman.

Ijazah itu ialah bagi peringkat pengajian Sarjana Muda yang membabitkan 640 pelajar dan lulusan pengajian pasca-siswazah dengan enam orang pada peringkat Sarjana dan dua orang lulusan Doktor Falsafah.

Ramai yang cenderung melihat penubuhan UMS dari kaca mata politik -- UMS sebagai janji politik -- tetapi kemampuan universiti itu dalam melahirkan graduan-graduan berkenaan ketika baru berusia empat tahun, mengesahkan kewujudannya di Sabah bukan lagi sekadar bukti bahawa satu janji politik telah ditunaikan di Sabah.

Memang benar keazaman politik telah memainkan peranan utama dalam menjadikan UMS satu kenyataan tetapi kecemerlangan universiti itu sendiri membuktikan ia wujud di Sabah bukan sebagai monumen kepada satu janji politik.

"Saya tidak pernah melihat penubuhan UMS sebagai satu proses politik. Saya melihat penubuhan UMS adalah hasil daripada proses pembangunan... Itu janji kerajaan yang memerintah dan mereka telah melaksanakan tanggungjawab itu," katanya.

Tanpa mahu diseret untuk membicarakan isu politik yang dikaitkan dengan universiti itu, beliau berkata: "Tugas saya sebagai naib canselor ialah untuk memastikan penubuhan universiti ini mencapai matlamat yang diharapkan."

UMS ketika ini mempunyai lebih 4,000 pelajar yang mengikuti pengajian di 12 sekolah pengajian termasuk sains sosial, perniagaan dan ekonomi, sains dan teknologi, kejuruteraan dan teknologi maklumat, psikologi dan kerja sosial, sains makanan dan pemakanan, perhutanan tropika antarabangsa serta pendidikan dan pembangunan sosial.

Kampus cawangan UMS di Labuan turut menawarkan pengajian dalam bidang perniagaan dan kewangan antarabangsa Labuan serta sains informatik Labuan.

Selepas lebih empat tahun, UMS bagaimanapun dapat mengelak daripada dikaitkan dengan isu politik khususnya apabila pihak tertentu dalam pentas politik Sabah mempersoalkan jumlah pelajar dari Sabah yang kononnya terlalu sedikit.

"Ini saya tidak setuju. Dasar universiti memang cukup jelas untuk

mengagihkan peluang pendidikan tinggi kepada semua yang berkebolehan memasuki universiti dan pada masa yang sama, bersikap prihatin terhadap peluang pendidikan tinggi bagi penduduk Sabah," tegas beliau.

Menurutnya, sebagai contoh, kira-kira 42 peratus pelajar UMS adalah dari Sabah dan "ini satu peratus yang tinggi."

Daripada 648 graduan yang akan menerima ijazah itu, seramai 271 penerima ijazah Sarjana Muda adalah pelajar Sabah dan lima daripada enam penerima ijazah Sarjana juga dari Sabah.

"Ini satu lagi petunjuk bahawa peluang pendidikan hingga ke peringkat ijazah tinggi terbuka luas bagi pelajar dari seluruh negara, khususnya dari Sabah...jadi saya tidak pernah tertakluk kepada pandangan politik kerana saya menjalankan dasar kerajaan yang jelas," katanya.

Kecemerlangan UMS sendiri banyak bergantung kepada pandangan jauh naib canselor itu serta kakitangan akademiknya yang bertekad untuk menjadikan UMS pusat kecemerlangan akademik di rantau ini.

"Saya sentiasa berpegang kepada prinsip inovatif, dan dalam suasana peredaran masyarakat maju, era globalisasi, era peningkatan masyarakat berilmu dan bermaklumat, universiti tidak boleh bergerak perlahan" katanya.

Bagi sesebuah institusi yang masih muda dan beroperasi pula di empat lokasi berlainan kerana pembinaan kampus tetap belum selesai, UMS sememangnya sebuah universiti yang bergerak begitu pantas.

Bayangkan senario ini: UMS bermula dengan kira-kira 200 pelajar tetapi kini mempunyai lebih 4,000 pelajar; dengan hanya tiga sekolah pengajian pada 1995, ia kini mempunyai 12 bidang pengajian; ketika hanya sebahagian kecil daripada kampus tetapnya siap, UMS telah mempunyai kampus cawangan serba lengkap di Pulau Labuan.

Tenaga akademiknya kini juga bertambah dengan 11 profesor, 27 profesor madya, 129 pensyarah dan empat guru bahasa.

UMS turut mendapat keyakinan daripada institusi pengajian tinggi dari Jepun, Jerman, United Kingdom, Australia dan Denmark untuk bekerjasama dengan tenaga saintisnya, khususnya dalam bidang penyelidikan kepelbagaian hayat dan marin.

UMS juga mempunyai unit-unit penyelidikan dan yang paling menonjol ialah Unit Penyelidikan Marin Borneo yang dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk sebuah bot serba lengkap dengan peralatan penyelidikan.

Universiti itu turut menjalin persefahaman dengan pelbagai badan bagi menjalin kerjasama penyelidikan dan menyediakan latihan kepada pelajarannya.

Pada masa yang sama, ia telah berjaya mendapat kepercayaan daripada Bank Pembangunan Islam, Jeddah untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi membeli peralatan pengajian dalam sains kejuruteraan.

"Kita harus bergerak pantas kerana penciptaan ilmu, teknologi dan perubahan masyarakat kini amat pantas dan kalau kita tidak bergerak sama laju dengan perubahan itu, maka kita akan ketinggalan," kata Dr Abu Hassan.

Bagaimanapun, di sebalik keghairahan untuk bersaing dengan institusi pengajian tinggi awam yang lain, UMS tetap tidak akan berkompromi dalam soal kualiti.

"UMS bergerak pantas tetapi hasil yang kita keluarkan memenuhi piawaian. Sebagai contoh, penilai dalam dan luar negara yang meneliti tesis oleh semua pelajar pasca-siswazah telah membuat perakuan bahawa ia memenuhi piawaian antarabangsa," katanya.

UMS disifatkan sebagai jawapan kepada kekayaan sumber asli Sabah malah kedua-duanya seolah-olah ditentukan untuk dapat wujud bersama-sama.

Sabah memerlukan kepakaran tenaga penyelidikan dan pembangunan UMS untuk mengungkai misteri sumber alamnya manakala UMS pula akan mendapat faedah kerana kekayaan sumber asli negeri itu akan memastikan kesuburan bidang penyelidikan dan pembangunan.

"Sabah amat kaya dengan sumber alam, flora dan fauna serta hidupan

laut. Kita sedang giat mempertingkatkan penyelidikan yang boleh memberi sumbangan kepada kemajuan Sabah dalam pelbagai bidang. Saya nampak pada waktu ini, penyelidikan yang penting ialah dalam bidang marin dan industri pertanian," kata Dr Abu Hassan.

Dr Mahathir pada majlis peletakan batu asas kampus tetap UMS pada Nov 1995 berkata: "Sebuah universiti seperti UMS bukan semata-mata sebuah gedung ilmu yang menyampaikan ilmu-ilmu akademik yang bersifat `hard sciences' tetapi juga menyumbang terhadap pembangunan negara dan pengembangan nilai budaya dan intelek bangsa."

UMS sedang bergerak ke arah matlamat itu dan dalam ungkapan naib canselornya sendiri -- "dengan berpegang kepada prinsip inovatif, UMS mampu menghadapi sebarang cabaran dalam mencapai kecemerlangan."

Barangkali masanya sudah tiba bagi semua untuk melihat kewujudan UMS sekali lagi -- kali ini bukan daripada sudut politik.

-- BERNAMA

JS AM